



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Mohon Bajet Tambahan Untuk Perkhidmatan RM3.08 Bilion](#)

Berita Harian - Mohon Bajet Tambahan Untuk Perkhidmatan RM3.08 Bilion

 Rabu, Mac 22 2017



Mohon bajet tambahan untuk perkhidmatan RM3.08 bilion

→ Kerajaan bentang Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Nadia Hamid dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2016) 2017 bagi memohon bajet tambahan untuk perkhidmatan bagi tahun 2016 sebanyak RM3.08 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz, membentangkan rang undang-undang itu untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

Sebahagian besar perbelanjaan itu diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Terkanun iaitu sebanyak RM2.24 bilion, Kementerian Pendidikan (RM297 juta) dan Kementerian Pengangkutan (RM215 juta).



Othman Aziz

Perbelanjaan tambahan itu turut membabitkan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (RM128 juta), Kementerian Kesihatan (RM104 juta) dan Kementerian Luar (RM24 juta).

Diperuntuk kepada SPR

Selain itu, perbelanjaan tambahan berkenaan akan diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan perbelanjaan sebanyak RM62.78 juta).

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said membentangkan Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2017 yang bertujuan meminda beberapa perkara dalam Akta Saraan Hakim 1971.

Bacaan kali kedua bagi rang undang-undang terbabit itu akan dibuat pada mesyuarat Dewan Rakyat sesi ini.

BH 22/3

**Pekeliling
Perbendaharaan**



[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**